

MESEJ UTAMA


- ▶ 07 Mesej Pengerusi
- 11 Mesej Ketua Pegawai Eksekutif



“

Kepercayaan dan sokongan terhadap KWSP sebagai dana simpanan persaraan utama Malaysia dan pemangkin pertumbuhan ekonomi telah memperkasakan KWSP untuk memenuhi keperluan umum dengan memacu penciptaan nilai lestari jangka panjang untuk pihak berkepentingannya.”

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
Pengerusi KWSP



Bagi pihak Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Bersepadu KWSP yang pertama bagi Tahun Kewangan 2021. Walaupun inisiatif Pelaporan Bersepadu ini baru sahaja bermula, pengurusan modal utama dan pelaksanaan strategi yang berkesan telah membolehkan KWSP mencipta nilai bagi pihak berkepentingan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan kepimpinan dan seluruh kakitangan KWSP yang telah mempamerkan ketabahan, dedikasi dan ketangkasan ketika menghadapi tempoh yang sangat sukar. Walaupun mencabar, tahun 2021 juga merupakan tahun yang penuh dengan harapan dan optimis apabila ekonomi global mula pulih daripada kesan pandemik. Kita boleh berbangga kerana usaha yang kita telah dan akan terus laksanakan di KWSP dapat membantu rakyat Malaysia dalam pelbagai cara yang bermakna dan meringankan kesulitan yang dihadapi. Dalam melangkah ke hadapan, kita akui bahawa transformasi berterusan adalah penting untuk KWSP terus maju. Oleh itu, KWSP telah melaksanakan inisiatif untuk memberikan perkhidmatan cemerlang secara berterusan kepada ahli.

PRESTASI 2021 YANG MEMBANGGAKAN

Sorotan Pelaburan

Di samping menimbulkan ketidaktentuan ekonomi dan politik, pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada pasaran pelaburan antarabangsa dan domestik. Walaupun berdepan dengan kejutan dan cabaran kewangan, KWSP kekal berdaya tahan dalam situasi yang belum pernah berlaku sebelum ini.



**Kadar Dividen
Simpanan Konvensional**

6.10%

**Kadar Dividen
Simpanan Shariah**

5.65%

**Caruman Tahunan oleh
Pekerja dan Majikan**

RM72.89 bilion

Jumlah Aset

RM1.01 trilion

Bagi tahun 2021, pencapaian pelaburan KWSP telah mengatasi prestasi pra-pandemik tahun 2019 apabila ia mengisytiharkan dividen sebanyak 6.10% untuk Simpanan Konvensional dan 5.65% untuk Simpanan Shariah. KWSP telah menjana sebanyak RM68.89 bilion pendapatan pelaburan manakala jumlah aset pelaburan juga meningkat sebanyak 1% kepada RM1.01 trilion.

Prestasi yang membanggakan ini membuktikan bahawa KWSP berdaya tahan semasa beroperasi dalam pasaran global dan domestik pada tahun 2021 yang tidak menentu. Pembukaan semula ekonomi Malaysia secara beransur-ansur telah menyokong usaha pemulihan, sekaligus memberi peluang kepada KWSP untuk meningkatkan usahanya untuk membina semula simpanan ahli dan melebarkan perlindungannya meliputi pekerja yang tidak berada dalam sektor formal.

Kepercayaan dan sokongan terhadap KWSP sebagai dana simpanan persaraan utama Malaysia dan pemangkin pertumbuhan ekonomi telah memperkasakan KWSP untuk memenuhi keperluan umum dengan memacu penciptaan nilai lestari jangka panjang untuk pihak berkepentingannya.

Dalam mencipta nilai untuk ahli, KWSP telah berusaha untuk memperjuangkan pelaburan lestari dengan mengintegrasikan faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam pertimbangan pelaburannya. Sebagai penandatanganan Prinsip-prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (PRI) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sejak tahun 2019, KWSP menjadikan amalan pelaburan lestari berdasarkan prinsip PRI sebagai keutamaannya. KWSP juga akan terus membuat penilaian ke atas sebarang cadangan pelaburan bagi mengenalpasti risiko dan peluang ESG yang material. Ini membolehkan KWSP membuat keputusan yang strategik berkenaan dengan pelaburan dan memudahkan pertumbuhan pelaburan lestari dan penjanaan nilai jangka panjang.



Ahli

15,217,902

Ahli Aktif

7,691,973



Memastikan kakitangan dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan untuk memberikan perkhidmatan terbaik



Sorotan Perniagaan

Pada tahun 2021, KWSP mencatatkan peningkatan pendaftaran ahli baharu sebanyak 2.22% kepada 15,217,902 ahli, serta peningkatan ahli aktif sebanyak 1.33% kepada 7,691,973 ahli.

KWSP fokus dalam meningkatkan keupayaannya bagi memenuhi peningkatan keperluan dan jangkaan ahli dan majikan. Ini termasuk memastikan kakitangan KWSP dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan cemerlang serta menambah baik produk dan perkhidmatan untuk memudahkan keputusan yang lebih cekap dan termaklum dalam kalangan ahli mengenai simpanan dan kesejahteraan persaraan mereka.

Sejak Mac tahun lalu, KWSP telah menyediakan kemudahan kepada ahli yang memerlukan bantuan untuk terus bertahan semasa krisis COVID-19 dengan melancarkan kemudahan pengeluaran i-Lestari dan i-Sinar. Seiring dengan tindakan Kerajaan dalam meningkatkan usaha bagi memulihkan keadaan negara, KWSP memperkenalkan kemudahan i-Citra

pada Julai 2021 sebagai satu inisiatif jangka pendek bagi meringankan bebanan ahli yang terjejas disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan.


Sementara itu, untuk meringankan beban kewangan majikan semasa pandemik COVID-19, KWSP telah memberikan bantuan dalam bentuk pengecualian dan pengurangan caj lewat bayar. Inisiatif ini dilaksanakan untuk membolehkan majikan menguruskan aliran tunai di samping memastikan mereka terus menunaikan tanggungjawab sebagai majikan yang menyumbang kepada simpanan persaraan pekerja.

MEREALISASIKAN ASPIRASI KEPADA TINDAKAN

Dalam memastikan KWSP meneruskan misinya untuk melindungi simpanan ahli dan menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang, Lembaga telah meluluskan Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun (3YRP) untuk tempoh 2021-2023, teras strategik dan strategi yang kritikal untuk KWSP kekal relevan.

Tahun ini, KWSP telah meluaskan 3YRP dengan memasukkan teras strategik kelima, iaitu Menginstitusikan Kelestarian. Teras strategik ini mengukuhkan komitmen KWSP ke arah menggabungkan amalan lestari merentasi semua aspek organisasi untuk mencipta nilai bagi pihak berkepentingannya.

Untuk memastikan kejayaan yang berterusan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memenuhi matlamat strategi ini, termasuk inisiatif membina dan mempertingkatkan platform teknologi digital untuk meningkatkan perkhidmatan kepada ahli, mengupayakan tenaga kerja KWSP dengan kemahiran dan pengetahuan yang lebih sesuai untuk masa hadapan dan membangunkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan ahli dan majikan.

 Maklumat lanjut mengenai inisiatif ini boleh didapati di halaman 31 bahagian Strategi dan Tinjauan Perniagaan Laporan Tahunan Bersepadu ini.

ASPIRASI KE ARAH PERSARAAN YANG BERMARUAH

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada reputasi KWSP sebagai dana simpanan persaraan terulung negara ialah keupayaannya untuk membuat perubahan dan memperkenalkan keupayaan baharu bagi memenuhi jangkaan pihak berkepentingan yang sentiasa berubah. Nilai bersama dan pendirian KWSP merupakan elemen utama yang mendorong setiap tindakan dan keputusan organisasi. Contoh yang jelas tentang perkara ini ialah usaha KWSP untuk menerajui perlindungan sosial, komitmennya untuk memberikan pulangan jangka panjang dan bantuan khas yang diberikan kepada ahli.

Seperti yang digariskan dalam Bajet 2022, Kerajaan terus komited untuk meneruskan pelbagai program perlindungan sosial yang akan memberi manfaat kepada seluruh Keluarga Malaysia. Salah satu langkah yang diumumkan semasa pembentangan bajet tersebut ialah melanjutkan umur ahli i-Saraan daripada 55 kepada 60 tahun, yang amat dialu-alukan oleh ahli sebagaimana pengumuman kenaikan pelepasan cukai individu sehingga RM4,000 bagi pencarum sukarela KWSP.

Perlindungan sosial merupakan hak asasi semua individu tanpa mengambil kira sama ada mereka berada dalam sektor formal atau tidak formal. KWSP menghargai sokongan yang diberikan Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak caruman sukarela daripada pekerja dalam sektor tidak formal. Ini adalah untuk memastikan mereka mempunyai jaringan keselamatan kewangan yang boleh disediakan oleh KWSP sebagai sebuah organisasi dana persaraan.

KWSP tidak hanya menguruskan simpanan ahli untuk pulangan dividen semata-mata malah sedang meningkatkan usaha bagi melibatkan semua pihak berkepentingan dan meneroka peluang kerjasama awam-swasta untuk memacu pertumbuhan ekonomi.

Pada tahun 2021, KWSP telah menandatangani dua memorandum persefahaman dengan platform kerja atas permintaan GoGet Malaysia pada bulan Februari dan Grab Malaysia pada bulan September untuk meningkatkan dan memperluas perlindungan sosial kepada mereka yang belum menyertai skim KWSP. Ini akan menggalakkan mereka untuk membuat persediaan persaraan, selain menikmati faedah sebagai ahli KWSP seperti dividen tahunan, pelepasan cukai dan faedah lain yang diberikan kepada ahli.

PENGHARGAAN

Tahun 2021 merupakan dekad kelapan KWSP beroperasi dan walaupun ia telah merekodkan pertumbuhan dan melalui pelbagai transformasi dari tahun ke tahun, tumpuan KWSP untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik kekal tidak berubah.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan atas bimbingan dan sokongan mereka yang telah membentuk hala tuju dan memacu KWSP dalam mencipta nilai.

KWSP juga mengalu-alukan Datuk Seri Amir Hamzah Azizan yang menyertai KWSP pada April 2021 bagi menggantikan Tunku Alizakri Alias sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Di bawah kepimpinan beliau, KWSP kekal berdaya tahan dalam tempoh ketidakpastian persekitaran berikutan pandemik, di samping tangkas dalam menguruskan sebarang cabaran dan keadaan yang sering berubah.

Kepada semua kakitangan KWSP, saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan atas dedikasi anda dalam memberikan lebih daripada yang diharapkan. Komitmen dan dedikasi anda terhadap visi, misi dan matlamat KWSP telah membolehkan kita menyesuaikan diri dengan persekitaran yang mencabar dan tuntutan yang luar biasa. Dengan meneruskan semangat seperti ini, saya yakin KWSP akan merekodkan pencapaian yang lebih baik pada masa hadapan.

Akhir sekali, dan yang paling penting, bagi pihak Lembaga KWSP, barisan kepimpinan dan pengurusan serta seluruh kakitangan KWSP, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli KWSP atas kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap KWSP untuk menguruskan simpanan mereka dan membolehkan KWSP memenuhi visinya untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
Pengerusi



M E S E J

K E T U A P E G A W A I E K S E K U T I F

“

Prestasi KWSP pada tahun ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendekatan kepelbagaian yang dipandu Alokasi Aset Strategik (SAA) yang telah memastikan KWSP berdaya tahan terhadap kejutan kewangan dan cabaran dalam situasi yang tidak dijangka.”

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan
Ketua Pegawai Eksekutif

Ketika ekonomi Malaysia sedang menuju ke arah pemulihan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus mendukung mandatnya untuk melindungi simpanan ahli dan memberi tumpuan untuk membantu ahli memulihkan dan membina semula simpanan mereka untuk masa depan persaraan yang mampan.

Tahun 2021 merupakan tahun yang sarat dengan pelbagai peristiwa serta perkembangan penting yang melonjakkan peranan KWSP dalam pembangunan negara di samping mempersiapkan organisasi dengan keupayaan digital yang boleh diakses dengan mudah dan berdaya tahan untuk jangka panjang.



PRESTASI LUAR BIASA

Walaupun terpaksa menguruskan pelaburan dalam pasaran kewangan yang tidak menentu dan tidak dijangka pada tahun 2021, KWSP berjaya menjana jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM68.89 bilion, meningkat sebanyak 9% daripada RM63.45 bilion yang dicatatkan pada tahun 2020. Pengurusan pelaburan yang strategik menghasilkan pulangan yang membanggakan meliputi portfolio ekuiti dengan mencatatkan ROI sebanyak 10.44% untuk ekuiti tersenarai asing dan 19.01% untuk ekuiti persendirian.

Walaupun pada tahun 2021 KWSP mencatatkan caruman bersih pertama yang negatif (caruman selepas pengeluaran) dalam tempoh 20 tahun iaitu sebanyak RM58.20 bilion disebabkan pengeluaran berkaitan pandemik, KWSP masih dapat mengekalkan baki tunai yang sihat pada akhir tahun dan berjaya mengumumkan kadar dividen di luar jangkaan.

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Alhamdulillah, KWSP mengisytiharkan kadar dividen yang kukuh sebanyak 6.10% untuk Simpanan Konvensional dengan jumlah pembayaran sebanyak RM50.45 bilion dan 5.65% untuk Simpanan Syariah dengan jumlah pembayaran sebanyak RM6.27 bilion, menjadikan jumlah pembayaran untuk 2021 sebanyak RM56.72 bilion. Secara ringkasnya, prestasi KWSP pada tahun ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendekatan kepelbagaian yang dipandu Alokasi Aset Strategik (SAA) yang telah memastikan KWSP berdaya tahan terhadap kejutan kewangan dan cabaran dalam situasi yang tidak dijangka. Pasukan pelaburan KWSP yang mantap telah berjaya menyelaraskan strategi seiring dengan usaha pemulihan ekonomi global, disokong oleh pelancaran vaksinasi serta dasar fiskal dan monetari yang memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti dan pertumbuhan ekonomi.

Setelah mengambil kira ketidakstabilan persekitaran pasaran yang berterusan di peringkat global dan tempatan, KWSP mengambil langkah aktif untuk mengubah pendekatannya dalam menguruskan risiko kewangan dan bukan kewangannya.

Sejak beberapa tahun yang lepas, KWSP telah mengambil kira faktor persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam usaha wajar dan proses membuat keputusan di samping mengukuhkan rangka kerja pengurusan risiko sedia ada. Jelas sekali ini adalah langkah yang tepat kerana syarikat yang mematuhi ESG terbukti lebih cekap bertindak balas terhadap perubahan dan bersedia untuk masa hadapan di samping lebih berdaya tahan dalam menghasilkan pulangan yang lebih baik dalam jangka panjang.

Selaras dengan usaha kelestarian organisasi, KWSP telah memulakan inisiatif Pelaporan Bersepadu yang memberi perspektif tentang penciptaan nilai jangka panjang KWSP selain daripada laporan kewangan kepada ahli dan pihak berkepentingan.

Melalui Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, KWSP berusaha untuk memberikan gambaran tentang elemen ESG yang sedang diuruskannya. Pelaporan Bersepadu juga bertujuan untuk menyampaikan bagaimana KWSP mempertimbangkan elemen ini untuk membentuk hala tuju strategik, mencipta nilai dan memenuhi aspirasinya.

Sebagai salah sebuah pelabur institusi terbesar di Malaysia, KWSP maklum akan peranannya yang penting dalam menyokong penggalakan pertumbuhan ekonomi negara dan mengekalkan pulangan pelaburan yang sihat untuk ahlinya. Sebagai penandatanganan Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi sejak 2017, sasaran KWSP adalah untuk menyokong pengawasan yang berkesan, seterusnya menggalakkan pelaburan dalam aset domestik yang akan membantu memangkinkan pertumbuhan ekonomi. KWSP percaya bahawa melalui inisiatif Kerajaan seperti Pelan Pemulihan Negara dan pembukaan semula sempadan antarabangsa, persekitaran ekonomi yang semakin berkembang dijangka akan meningkatkan peluang pelaburan tempatan.

Aset luar negara juga merupakan penyumbang kritikal kepada prestasi keseluruhan KWSP, yang mana kepelbagaian kelas aset, pasaran dan mata wang dapat memberikan kestabilan pendapatan dan nilai tambah kepada pulangan keseluruhan KWSP. Sehingga Disember 2021, sebanyak 37%



Jumlah Pendapatan Pelaburan Kasar

RM68.89 bilion

Sebagai salah sebuah pelabur institusi terbesar di Malaysia, KWSP maklum akan peranannya yang penting dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara dan mengekalkan pulangan pelaburan yang sihat untuk ahlinya





daripada aset pelaburan KWSP berada di luar negara, merangkumi semua kelas aset.

MERAPATKAN JURANG PERLINDUNGAN SOSIAL

Salah satu peranan penting KWSP sebagai dana persaraan utama negara adalah komitmennya terhadap visi organisasi untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik. Pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap kehidupan dan mata pencarian masyarakat, serta menggugat kehidupan pada skala yang tidak dijangka. Perkara ini secara langsung telah mengakibatkan kesan sosial dan ekonomi yang meluas terhadap negara.

Sejak tahun 2020, KWSP merupakan salah sebuah institusi pertama yang membantu ahlinya menangani krisis dengan mengurangkan kadar caruman berkanun daripada 11% kepada 9% bagi meningkatkan gaji bersih ahli. Memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan terus berlaku hingga tahun 2021, banyak perniagaan kecil telah terjejas teruk dan terpaksa menghentikan operasi, sekaligus menyebabkan ramai pekerja kehilangan mata pencarian. Sebagai langkah segera untuk mengekalkan

mata pencarian ahlinya, KWSP telah memperkenalkan i-Citra pada Julai 2021 yang membolehkan ahli mengeluarkan simpanan mereka sehingga RM5,000.

Walaupun langkah ini terpaksa dilaksanakan berdasarkan situasi semasa, pengeluaran berkaitan pandemik telah memburukkan lagi keadaan bagi ahli dan kebanyakan mereka kini menghadapi risiko tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menjalani persaraan yang bermaruah.

Sebagai dana simpanan persaraan terbesar negara, KWSP amat prihatin dengan situasi ini yang bukan sahaja akan memudaratkan kehidupan individu, malah turut memberi kesan terhadap landskap sosio-ekonomi dan keadaan fiskal negara. Pandemik ini juga telah merubah landskap pekerjaan ke arah sektor tidak formal dan trend ini dijangka akan terus meningkat.

Dalam konteks ini, KWSP menyokong penuh inisiatif Kerajaan untuk melanjutkan program i-Saraan meliputi pekerja yang berumur 55 hingga 60 tahun, sekaligus menjadikan i-Saraan lebih menarik kepada mereka yang berada dalam sektor tidak formal untuk membuat simpanan persaraan mereka dengan KWSP. Caruman Sukarela Insentif Suri, atau i-Suri, yang telah digabungkan


dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan dijenamakan semula sebagai "Kasih Suri Keluarga Malaysia" membolehkan suri rumah dan balu yang berdaftar di bawah sistem e-Kasih Kerajaan untuk mendapatkan akses kepada keselamatan sosial. Inisiatif lain termasuk menggalakkan penambahan caruman melalui skim *Voluntary Excess* yang mana ahli boleh meningkatkan caruman KWSP mereka melebihi kadar berkanun 11%.

Ini merupakan beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh KWSP sepanjang tahun sebagai sebahagian daripada penyelesaian untuk mengatasi isu kecukupan simpanan dan jaminan pendapatan persaraan serta pendekatan sinergi KWSP ke arah merapatkan jurang perlindungan sosial di negara ini.

TRANSFORMASI DIGITAL

Pelan hala tuju Digitasi KWSP 2025 terus memandu pendekatan KWSP ke arah menjadi sebuah organisasi digital. Pelan hala tuju ini adalah berdasarkan lima teras strategik yang mana setiap satu teras merangkumi aspek utama perjalanan pendigitalan KWSP. Teras ini menjadi asas kepada inisiatif dan rancangan yang dilaksanakan di seluruh operasi KWSP.


KWSP juga berbangga kerana diberi pengiktirafan atas usaha penyelesaian digital apabila muncul sebagai pemenang Anugerah Inovasi dalam kategori teknologi untuk sistem e-Payroll KWSP, di Pensions & Investments WorldPensionSummit 2021 yang berlangsung di The Hague, Belanda.

 Maklumat lanjut mengenai pendekatan KWSP terhadap transformasi digital boleh didapati di halaman 31 bahagian Strategi dan Tinjauan Perniagaan Laporan Tahunan Bersepadu ini.

MENYOKONG TENAGA KERJA KWSP

Kemajuan yang telah dicapai oleh KWSP adalah hasil sumbangan pasukannya yang terdiri daripada individu yang bermotivasi, komited, berdedikasi dan tangkas dalam membina KWSP menjadi organisasi yang mampan seperti hari ini.

Inisiatif berkaitan modal insan yang dilaksanakan pada tahun 2021 tertumpu kepada meningkatkan kesejahteraan dan menyediakan peluang untuk meluaskan kemahiran dan pengetahuan kakitangan KWSP. Inisiatif-inisiatif ini termasuk pengenalan Indeks Kesejahteraan Pekerja dan pelan pembelajaran wajib untuk semua kakitangan KWSP. Ketika kakitangan mula kembali bekerja di pejabat, KWSP menyediakan ruang kerja yang kondusif dengan mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan Kerajaan untuk meminimumkan risiko kesihatan dalam kalangan kakitangan.

 Maklumat lanjut mengenai cara KWSP mengurus modal insan boleh didapati di halaman 31 bahagian Strategi dan Tinjauan Perniagaan Laporan Tahunan Bersepadu ini.

MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN LESTARI

KWSP terus berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab pengawasan pelaburannya dalam pasaran. Ini dapat dilihat melalui penglibatan KWSP dengan syarikat penerima pelaburannya bagi memastikan pematuhan kepada prinsip ESG.



Untuk mencapai portfolio yang mematuhi ESG sepenuhnya menjelang tahun 2030 dan portfolio neutral iklim menjelang 2050, selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia ke-12 menjadi negara yang neutral karbon, KWSP komited untuk memenuhi aspirasi pelaburan lestari yang akan menjadi asas kepada keseluruhan usaha ke arah kelestarian. Ini dilaksanakan dengan mengimbangi keupayaan KWSP untuk mempengaruhi perubahan dan keupayaan syarikat penerima pelaburan untuk memenuhi aspirasi ini. Sustainable Investment Centre (SIC) yang ditubuhkan oleh KWSP mempunyai bidang kuasa ke atas semua perkara berkaitan pelaburan lestari KWSP dan merupakan jabatan utama yang memacu inisiatif pelaburan lestari, termasuk menjalankan semakan kelestarian untuk cadangan pelaburan baharu dan membangunkan serta melancarkan polisi pelaburan lestari KWSP.

Sasaran menyeluruh KWSP ke arah neutral iklim dan portfolio patuh ESG sepenuhnya telah membantu dalam membangunkan aktiviti pelaburan KWSP berlandaskan elemen ESG. Ini termasuk tumpuan masa depan KWSP untuk membuat pertimbangan melangkaui pulangan jangka pendek dan meneliti parameter kelestarian sebagai sebahagian daripada petunjuk utama kejayaan dan pertumbuhan KWSP.

Komitmen KWSP untuk melabur secara bertanggungjawab dan menggalakkan tadbir urus korporat yang berkesan serta melaksanakan pengawasan pelabur adalah melangkaui sokongan terhadap kemajuan pasaran yang cekap dan ekonomi yang mampan semata-mata. Malah, KWSP kian berkembang sebagai asas untuk menambah baik hasil jangka panjang ahli KWSP.

Teras kepada kejayaan ESG atau pelaburan lestari ialah amalan tadbir urus yang kukuh, yang merupakan prasyarat untuk melindungi kepentingan pemegang saham dan menyediakan asas untuk amalan yang mementingkan alam sekitar dan sosial yang lebih kukuh.

Di samping menggabungkan kelestarian dalam seluruh aktiviti pelaburan, KWSP juga berusaha untuk melaksanakan amalan kelestarian di setiap pejabat dan cawangannya bagi membendung kesan alam sekitar di KWSP secara keseluruhannya. Pada tahun 2021, KWSP telah meneliti aktiviti operasi dan mengenal pasti peluang untuk menangani dan mengurangkan kesan alam sekitar yang berkaitan dan pada masa yang sama terus beroperasi berdasarkan undang-undang dan peraturan semasa.

BIDANG TUMPUAN

Pemulihan ekonomi global terus berlangsung walaupun negara masih berdepan dengan ancaman pandemik. Di peringkat domestik, KWSP kekal optimis akan prospek pertumbuhan Malaysia berikutan pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial. KWSP menjangkakan pertumbuhan ini akan meningkat sepanjang tahun selaras dengan peningkatan permintaan dalam dan luar negara.

Pada ketika ini, KWSP akan menumpukan perhatiannya kepada beberapa perkara utama sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun (3YRP), iaitu memastikan kecukupan pendapatan, meluaskan perlindungan KWSP, dan menguruskan portfolio patuh ESG sepenuhnya menjelang 2030 dan neutral iklim menjelang tahun 2050. Di samping menyelaraskan strategi dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan dan operasi, KWSP juga memberikan tumpuan terhadap aktiviti utama lain seperti libat urus dengan syarikat penerima pelaburannya dan meningkatkan keupayaan pasukan di KWSP agar dapat bergerak seiring untuk memastikan KWSP

mencapai sasaran dan hasil yang telah ditetapkan.

Sebagai sebuah organisasi utama dalam rangka kerja perlindungan sosial negara, prestasi dana KWSP dan peranannya dalam pasaran modal domestik adalah penting kepada kejayaan ekonomi negara.

KWSP akan kekal fokus dalam melaksanakan dan mempercepatkan inisiatif bagi memperkasakan lebih ramai rakyat Malaysia menyimpan untuk persaraan. Selain itu, KWSP akan terus mencari peluang untuk membuat perubahan dan menambah baik perkhidmatannya untuk memenuhi keperluan dinamik dalam kalangan ahli, majikan dan pihak berkepentingan utama yang lain.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Pengurusan KWSP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Pengerusi dan semua ahli Lembaga atas kebijaksanaan dan dorongan serta Panel Pelaburan atas panduan dan kepercayaan mereka terhadap pihak pengurusan KWSP.

Pencapaian KWSP sehingga hari ini tidak akan terlaksana tanpa dedikasi, sumbangan dan komitmen daripada 5,801 orang kakitangan KWSP. Walaupun berdepan dengan kesukaran, kakitangan KWSP kekal berdaya tahan dan mampu menyesuaikan diri dengan cabaran pada tahun ini sambil mengekalkan nilai bersama KWSP iaitu Integriti, Utamakan Pelanggan, Penambahbaikan Berterusan dan Semangat Kerja Berpasukan.

Jelas sekali, penggerak sebenar pencapaian KWSP ialah ahli dan majikan yang telah memberikan kepercayaan dan keyakinan penuh kepada KWSP untuk mengurus dan meningkatkan simpanan mereka demi kelangsungan tempoh persaraan mereka. KWSP sangat bertuah kerana sentiasa mendapat sokongan anda dan komited untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk jangka panjang.

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN

Ketua Pegawai Eksekutif

